

21/10/2002

MCA belakangkan semangat muafakat (HL)

Zainudin Isa; Mokhtar Alias; Noorwati Salleh; Magendran Rajagopal; Mohd KUANTAN, Ahad - MCA hari ini didesak tidak membelakangkan semangat pemuafakatan dan kesetiaan yang selama ini menjadi teras kekuatan Barisan Nasional (BN).

Sehubungan itu, pelbagai pihak mahu MCA menarik balik keputusannya menolak cadangan kerajaan menggunakan bahasa Inggeris dalam subjek Sains dan Matematik di sekolah jenis kebangsaan Cina.

Mengulas perkara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap keputusan MCA itu bukan satu pendirian yang terlalu keras sehingga tidak dapat lagi mengambil kira pandangan pihak lain.

"Kita bukan hanya seronok-seronok nak buat, walaupun orang menentang. Itu sebab kita mengadakan perundingan dengan semua pihak, bukan membabitkan suku-sakat kita dalam parti saja.

"Dalam hal inilah rakyat mahu lihat kita ada muafakat yang elok," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen BN Pahang di sini.

Sehubungan itu, Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, perbezaan pandangan di kalangan parti komponen BN berhubung isu itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN, Selasa ini.

Pada sidang akhbar itu, Abdullah menyuarakan kekecewaannya kerana kemelut isu bahasa Inggeris masih berlarutan, sedangkan kerajaan sudah banyak memberikan penjelasan.

Malah, beliau berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri memberi pertimbangan yang cukup lama dan mengadakan rundingan secara meluas dengan pelbagai golongan, termasuk pendidik, pemimpin NGO, politik dan cendekiawan.

"Perundingan ini cukup intensif kerana Perdana Menteri tidak mahu berlaku kerugian terhadap masa depan anak-anak kita apabila keputusan dibuat nanti," katanya.

MCA, dalam mesyuarat tertutup jawatankuasa pusatnya, Jumaat lalu, menolak bahasa Inggeris dijadikan bahasa pengantara, kecuali bagi mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris itu sendiri.

Difahamkan, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, juga mencadangkan penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar dua subjek berkenaan hanya bermula pada peringkat sekolah menengah.

Abdullah bagaimanapun berkata, itu hanya pendirian MCA dan belum menjadi keputusan Kabinet.

Ditanya akan timbul percanggahan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN nanti berikutan pendirian MCA itu, beliau berkata:

"Itu pendirian mereka pada waktu ini. Saya percaya perbincangan kita belum selesai lagi. Kabinet belum lagi membuat keputusan mutakhir," katanya.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, yang ditemui pada majlis yang sama berkata sebarang keputusan kerajaan harus diterima semua pihak atas semangat muafakat BN.

"Kita juga perlu mempunyai semangat kesetiaan kepada BN," katanya.

Di JELEBU, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, juga kesal kerana MCA mengambil tindakan di luar konteks semangat setia kawan dalam BN.

Beliau berkata keputusan MCA agak mengejutkan kerana parti itu sudah diberi masa yang cukup lama mengkaji dasar baru kerajaan.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Mohd Taib, pula bimbang pendirian

MCA akan memberi kesan jangka panjang terhadap sistem pendidikan negara.

Beliau berkata, tindakan itu juga akan menggagalkan persediaan kerajaan untuk menyiapkan generasi muda dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Pengerusi Biro Pendidikan Pemuda Umno, Dr Adham Baba, ketika dihubungi berkata keputusan itu menggambarkan kepemimpinan MCA tidak mempunyai keyakinan diri dan berdolak-dalik berhubung isu itu.

Katanya, gambaran sikap sesetengah pemimpin parti juga menyebabkan masyarakat Cina tidak yakin terhadap MCA .

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N Siva Subramaniam, juga berharap MCA mengkaji semula keputusan itu demi kepentingan pelajar dan bukan mengikut pertimbangan serta kepentingan politik semata-mata.

Presiden Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat, Prof Madya Dr Abdul Rahman Daud, pula mendesak kerajaan tegas melaksanakan cadangan itu, termasuk meminda Akta Pendidikan dengan memasukkan peruntukan yang mewajibkan pelaksanaan dasar baru itu meliputi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.